



**YAYASAN
KHAZANAH**



MEDIA RELEASE

**Yayasan Khazanah dan PayNet Memperbaharui
Kerjasama dalam Penyediaan Biasiswa untuk Pelajar Cemerlang B40 Beragama
Islam di Malaysia**

KUALA LUMPUR, 20 Jun: Penyumbang biasiswa utama Malaysia, Yayasan Khazanah, dan Payments Network Malaysia (PayNet) telah memperbaharui Memorandum Persefahaman (MoU) untuk melanjutkan Program Biasiswa Wakalah PayNet-Yayasan Khazanah.

Kerjasama strategik ini bertujuan untuk membantu pelajar B40 yang beragama Islam sepanjang pengajian sarjana muda mereka dan bertumpukan kepada bidang Teknologi Maklumat, Sains Komputer, Kewangan, dan kursus berkaitan di universiti tempatan yang terpilih. Fokus terhadap kursus-kursus ini bertujuan untuk membangunkan tenaga kerja yang berkebolehan dalam sektor teknologi dan meningkatkan kebolehpasaran graduan. Dana yang digunakan bagi inisiatif ini disalurkan daripada peruntukan Wakalah PayNet melalui caruman zakat korporat dan dengan cara ini, PayNet dapat menggalakkan pembangunan sosial melalui pendidikan untuk komuniti asnaf.

“Kami berbangga kerana dapat meneruskan kerjasama dengan penyumbang biasiswa yang dikagumi seperti Yayasan Khazanah,” kata Firdaus Ghani, Pengarah Kanan, Bahagian Digitalisasi Kerajaan, PayNet. “Melalui kerjasama ini, PayNet memberi komitmen untuk memastikan bahawa pelajar yang berkelayakan akan mempunyai peluang yang sama dari segi pendidikan tanpa mengira latar belakang sosial untuk meningkatkan kehidupan masa depan mereka dan juga menyumbang kepada negara.”

Beliau menambah, “Kami berharap suatu hari nanti, para sarjana yang berjaya ini juga mendapat peluang untuk membangun industri pembayaran digital bersama-sama dengan PayNet atau bersama rakan perniagaan kami dalam ekosistem kewangan.”

Yayasan Khazanah yang ditubuhkan pada tahun 2006 oleh Khazanah Nasional Berhad dan merupakan rakan strategik Yayasan Hasanah, bertujuan untuk memilih, menyokong, membentuk, dan menaiktaraf individu-individu cemerlang yang mampu memimpin organisasi terbaik di negara ini dan di seluruh dunia.

Siti Kamariah Ahmad Subki, Pengarah Eksekutif Yayasan Hasanah, berkongsi, “Pada masa kini, negara sedang memberi tumpuan dan mengemudi industri digital seperti sektor kewangan. Oleh itu, kerjasama ini bermasa tepat dan menyokong komitmen kami dalam memupuk bakat-bakat masa depan yang bersedia untuk memajukan Malaysia. Kami bangga kerana dapat menyediakan peluang biasiswa yang penuh bermakna untuk menyokong aspirasi belia, sambil memenuhi permintaan bakat dalam sektor-sektor yang sedang berkembang di Malaysia.”

Memasuki tahun kedua, Program Biasiswa **Wakalah PayNet-Yayasan Khazanah** adalah salah satu daripada pelbagai lagi program biasiswa yang disediakan oleh Yayasan Khazanah. Sejak tahun 2006,

Yayasan Khazanah telah memberi basiswa kepada 1,495 individu cemerlang bagi menyokong pendidikan mereka dalam pelbagai bidang. Untuk maklumat lanjut mengenai kriteria kelayakan, universiti-universiti yang terpilih, dan cara memohon Biasiswa Khazanah, sila layari www.yayasankhazanah.com.my.



Dari kiri: Siti Kamariah Ahmad Subki, Pengarah Eksekutif Yayasan Hasanah (kiri) dan Firdaus Ghani, Pengarah Kanan, Bahagian Digitalisasi Kerajaan dan Pengerusi Jawatankuasa Zakat Wakalah, PayNet.



Membangun pemimpin-pemimpin masa depan Malaysia! Upacara Penandatanganan MoU Program Biasiswa Wakalah PayNet-Yayasan Khazanah, bersama alumni biasiswa Khazanah.



Dari kiri: Siti Kamariah Ahmad Subki, Pengarah Eksekutif Yayasan Hasanah (kiri) dan Firdaus Ghani, Pengarah Kanan, Bahagian Digitalisasi Kerajaan dan Pengerusi Jawatankuasa Zakat Wakalah, PayNet.

-TAMAT-

Tentang Yayasan Khazanah

Yayasan Khazanah (YK) ditubuhkan pada tahun 2006 oleh Khazanah Nasional Berhad dan merupakan rakan strategik Yayasan Hasanah. Misi YK adalah untuk memilih, menyokong, membentuk, dan menaiktaraf individu-individu cemerlang yang mampu memimpin organisasi terbaik di negara ini dan di seluruh dunia. YK menawarkan biasiswa penuh kepada pelajar yang layak di bawah pelbagai program biasiswa untuk belajar di universiti-universiti terkemuka di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, dan Malaysia. Selain bantuan kewangan, ciri penting program-program biasiswa Khazanah adalah Program Pembangunan Premier Scholars Yayasan Khazanah (YKPSP), sebuah program pembangunan berstruktur untuk membantu meningkatkan pembangunan holistik para sarjana. Tambahan pula, sarjana YK juga diperkenalkan kepada dunia perniagaan melalui latihan praktikal perniagaan dan sivik. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://yayasankhazanah.com.my/>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Hannis Hisham | Pengurus Kanan, Komunikasi Strategik, Yayasan Hasanah

T: +60 19-243 3121

E: hannis.hisham@hasanah.org.my

Tentang PayNet

Payments Network Malaysia (PayNet) adalah rangkaian pembayaran nasional dan infrastruktur kewangan pusat Malaysia dengan visi untuk memperkasakan ekonomi digital negara. Suit pembayaran runcit kami yang meluas, seperti DuitNow (QR dan P2P), JomPAY (Pembayaran Bil), FPX (Dalam Talian), MyDebit (Debit Domestik), MEPS dan IBG (GIRO Antara Bank) merangkumi liputan hampir di setiap sudut dalam dan adalah sebahagian dari fabrik kehidupan seharian di Malaysia. Selain itu, rangkaian pembayaran QR runcit masa nyata PayNet, DuitNow juga boleh diguna dengan skim domestik di Singapura, Thailand dan Indonesia serta skim antarabangsa bagi membolehkan transaksi rentas sempadan yang lancar.

PayNet komited dalam mempromosikan ekosistem pembayaran yang selamat, cekap dan inovatif di Malaysia, dan bekerjasama rapat dengan pemegang taruh untuk membangunkan produk dan perkhidmatan baharu yang memenuhi keperluan pengguna dan perniagaan yang kian berubah dan berkembang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.paynet.my.

Hubungi Media:

Anwar Mahbob

Pengurus Jenama & Komunikasi, PayNet

E-mel: anwar.mahbob@paynet.my